

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 NOVEMBER 2016

Pakai lencana 'Bebas Anwar' bukti bekas PM tiada pendirian

BH-14/11/2016

➔ Tindakan Dr Mahathir nyatakan sokongan terbuka cetus persoalan

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

▀ Seremban

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad memakai lencana 'Bebas Anwar' ketika hadir Konvensyen Pakatan Harapan di Shah Alam, Selangor kelmarin, menunjukkan bekas Perdana Menteri itu tidak lagi mengutamakan pendirian dipegangnya selama hampir 20 tahun.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar turut menyifatkan sikap bekas Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu menunjukkan sokongan tanpa berselindung kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga musuh tradisinya dalam politik, sebagai pelik.

Sanggup ketepi pendirian

Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata tindakan Dr Mahathir yang kini Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), membuktikan beliau sanggup mengeneipkan pendirian yang dipegang selama puluhan tahun disebabkan tidak bersetuju dengan kepimpinan UMNO dan kerajaan hari ini.

"Ini menunjukkan matlamat beliau menghalalkan semuanya, termasuk bergabung dengan musuh tradisi seolah-olah tiada pendirian dalam politik," katanya ketika ditemui pemberita pada program Fit Masjid peringkat kebangsaan di Masjid At-Taqwa, Paroi, di sini semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir dilihat menyemat pada bajunya lencana menyokong pembebasan Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri



Khairy Jamaluddin menyertai acara Fit Masjid Peringkat Kebangsaan 2016 di Masjid At-Taqwa, Paroi, Seremban, semalam.

dan bekas Timbalan Presiden UMNO yang dipecatnya pada 1998 atas dakwaan 'tidak bermoral'.

Terdahulu pada 5 September lalu, Dr Mahathir bertemu dan bersalaman dengan Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ketika bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu hadir untuk memfailkan tuntutan mencabar Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sokongan terbuka

Ketika Dr Mahathir menerajui negara, UMNO dan BN, Anwar, 69, turut disingkirkan daripada jawatan Menteri Kewangan dan keahlian parti pada 1998 sebelum dipenjarakan pada 1999 selepas didapati bersalah oleh mahkamah atas pertuduhan meliwat dan campur tangan dalam siasatan polis.



Ini menunjukkan matlamat beliau menghalalkan semuanya, termasuk bergabung dengan musuh tradisi seolah-olah tiada pendirian dalam politik"

Khairy Jamaluddin
Abu Bakar,
Ketua Pemuda UMNO

Dr Mahathir 'berhutang kemaafan'

Di Kuantan, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata Dr Mahathir 'berhutang kemaafan' dengan pelbagai pihak berhubung tindakannya menyokong pembebasan Anwar, berpunca daripada dendam untuk menjatuhkan Najib dengan sokongan PKR serta DAP.

"Banyak pihak termasuk saya kini berasa was-was dengan dakwaan Dr Mahathir suatu ketika dahulu termasuk yang membawa kepada pemecatan Anwar pada 1998.

"Kini, beliau sanggup menjilat balik apa diperkatakannya suatu ketika dahulu. Sebelum ini, kita pertahankan beliau dan berjaya meyakinkan masyarakat mengenai kesalahan dilakukan Anwar," katanya.